



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 6 NOVEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HARGA AYAM MASIH STABIL, BEKALAN CUKUP DAN TERKAWAL, DALAM NEGERI, UM -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	85 ANAK PENYU KARAH DILEPAS KE PERAIRAN LABUAN, NASIONAL, BH -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	PERSATUAN NELAYAN DISERU TAMBAH PENDAPATAN, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4. 5. 6. 7. 8. 9.	KUASA BOIKOT TURUNKAN HARGA AYAM? DALAM NEGERI, UM -11 HARGA MAKANAN PENENTU HARGA AYAM, DALAM NEGERI, UM -11 PADI PRICE HIKE BOON FOR FARMERS, NEWS, THE SUN -3 ENSURING REASONABLE CHICKEN PRICES IN SABAH, NATION, THE STAR -10 GEMBLENG IDEA PERKASA SEKTOR PERTANIAN, KOMENTAR, BH -11 DARI LIMA EKOR KAMBING, ZAIDI KINI PERTERNAKAN BERJAYA, RINGGIT, UM -28	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Harga ayam masih stabil, bekalan cukup dan terkawal

Oleh YASMIN NATASHA HAIRUL
yasmir.hairul@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Bekalan dan harga ayam masih dalam keadaan terkawal walaupun kerajaan menamatkan subsidi dan harga kawalan bagi ayam berkuat kuasa 1 November lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Chan Foong Hin berkata, Kementerian melaksanakan tinjauan pada hari pertama pengapungan harga ayam di sekitar Selangor, Negeri Sembilan dan Putrajaya untuk melihat ketersediaan dari segi bekalan dan harga yang ditawarkan di pasaran.

"Harga secara dasarnya be-



CHAN FOONG HIN

rada di antara RM7.39 hingga RM9.40. Kita berharap bekalan dan harga akan terus stabil, selaras dengan komitmen pihak industri melalui sesi libat urus

yang diadakan pada 22 Oktober lepas," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerajaan bersetuju subsidi dan kawalan harga ayam ditamatkan berkuat kuasa pada 1 November 2023.

Sustulan itu, ia menjimatkan sebanyak RM100 juta sebulan yang membolehkan kerajaan meningkatkan pelbagai inisiatif sosioekonomi dan kebajikan rakyat termasuk bantuan tunai.

Foong Hin berkata, harga ayam secara keseluruhan masih berada pada kadar yang berpatutan dan tiada kenaikan harga di sepanjang rantaian nilai.

Katanya, rakan industri juga

memberi jaminan melalui beberapa sesi libat urus bahawa bekalan ayam adalah mencukupi.

Menurut beliau, selain akses kepada bekalan ayam di pasar raya dan kedai runcit, pihak Kementerian turut mengadakan Jualan Agro MADANI bagi jualan ayam pada harga yang berpatutan untuk membantu rakyat.

"Dalam masa sama, Kementerian melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mengadakan Jualan Agro MADANI di 277 lokasi di seluruh negara untuk kemudahan rakyat," ujarnya lagi.

Harga makanan penentu harga ayam

PETALING JAYA: Harga makanan ternakan yang terdiri daripada kacang soya dan jagung menjadi faktor utama yang menentukan harga ayam di pasaran tempatan.

Penyelidik di Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITA-FoS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Zulkifli Idrus berkata, ini kerana 80 peratus daripada makanan ayam tersebut diimport.

Kata beliau, oleh kerana kedua-dua bahan tersebut berubah mengikut harga di pasaran global, maka, sekiranya ia mengalami kenaikan harga, akan menyebabkan harga pasaran tempatan terpaksa menjual ayam dengan harga lebih tinggi.

"Ini berada di luar kawalan kita, kecuali sekiranya kita menyediakan kacang soya dan jagung sendiri, tetapi ada banyak cabaran sekiranya kita nak tanam jagung dalam negara. Ini seperti masalah iklim tidak berapa sesuai, kos yang tinggi dan sebagainya."

"Jadi, sebelum kita lakukan tanaman tersebut, cabaran yang ada perlu kita atasi dan selesaikan dahulu. Jika tidak, harga jagung tempatan mungkin akan lagi tinggi atau tidak jauh beza dengan harga di pasaran global," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, keputusan kerajaan menamatkan subsidi dan harga kawalan bagi ayam sepenuhnya mulai 1 November lalu diramal tidak akan menyebabkan harga meningkat dengan mendadak.

Ini kerana bekalan ayam semasa adalah stabil dan keputusan mengapungkan harga ayam akan membolehkan kumpulan penternak bersaing dan berinovasi untuk memastikan harga ayam tidak terlalu mahal tetapi mereka tetap dapat keuntungan maksimum.

Kuasa boikot turunkan harga ayam?

KUANTAN: Kuasa pengguna memboikot restoran rangkaian makanan segera, McDonald's (McD) dan Kentucky Fried Chicken (KFC) didakwa turut menjejaskan pender dan pembekal ayam sekali gus mempengaruhi harga sumber protein tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah berkata, disebabkan kuasa boikot pengguna, pembelian ayam membabitkan restoran makanan segera terbit berkurangan sekali gus menyebabkan lambakan di pasaran.

Akibatnya, beliau berkata, berlaku penurunan harga ayam pada hari pertama kerajaan menamatkan subsidi dan harga kawalan bagi sumber protein berkenaan pada 1 November lalu.

"Kuasa boikot pengguna ini memang besar, ia boleh menjejaskan sesuatu rangkaian, kita ambil contoh apabila McD di-boikot, pembekal dan pender ayam pun terjejas."

"YPNM berpandangan, apabila kerajaan menghentikan subsidi dan harga kawalan sukar untuk harga ayam turun, tapi sebaliknya berlaku pada 1 November lalu. Ia menurun di sebalik harga makanan ayam mahal.



MOHD. FIRDAUS ABDULLAH

"Kuasa boikot pengguna ini memang besar, ia boleh menjejaskan sesuatu rangkaian."

"Apa puncanya? Tentunya ia kesan kuasa boikot rakyat terhadap McD dan juga KFC. Kerana tidak mahu terjejas, mahu tidak mahu pembekal terpaksa turunkan harga bagi memastikan bekalan ayam terjual," katanya di sini semalam.

Selaras pendekatan penyasaran semula subsidi secara berfasa, kerajaan bersetuju agar subsidi dan kawalan harga ayam ditamatkan sepenuhnya, 1 November lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, bagaimanapun subsidi serta kawalan harga bagi telur ayam gred A, B dan C akan diteruskan menggunakan mekanisme sedia ada.

Menurutnya, sejak Febru-

ari 2022, kerajaan menanggung RM3.8 bilion subsidi telur dan ayam dengan RM100 juta ditukarkan untuk ayam.

Rasional penamatan subsidi secara pukal bagi ayam adalah untuk mengurangkan ketirisan subsidi di mana pada ketika ini yang turut dinikmati oleh warga asing dan golongan berpendapatan tinggi.

Mengulas lanjut, Mohd. Firdaus berkata, YPNM percaya penurutan harga ayam hanya seketika demi memastikan tidak berlaku lambakan di pasaran.

Beliau berkata, apabila diapungkan, harga ayam dijangka boleh meningkat sebanyak 50 peratus iaitu sehingga RM15 sekilogram berbanding sekitar RM9 ke RM10 sebelum ini.

"Ini tidak mustahil berlaku

kerana selepas tiada lagi subsidi, harga ayam akan ditentukan sendiri oleh pengeluar dan tauke-tauke besar yang selama ini memonopoli industri ternakan dan bekalan ayam negara.

"Umum mengetahui makanan ayam diimport dari luar negara. Dengan keadaan ringgit Malaysia yang tidak stabil dan belum kukuh di pasaran, bila berlaku pertukaran mata wang, tentunya harganya meningkat."

"Ini juga akan menjadi alasan selepas ini untuk tauke-tauke besar menaikkan harga ayam. Jadi YPNM berpandangan, keputusan dibuat kerajaan ini kurang cerdik dan akan menjejaskan rakyat khususnya golongan kurang berkemampuan," katanya.

Beliau berkata, keputusan tergesa-gesa kerajaan menamatkan subsidi dan harga kawalan ayam akan memberikan kesan kepada lebih 30 juta rakyat yang selama ini bergantung kepada sumber protein tersebut.

"Kita ambil contoh ketika musim perayaan nanti, tentunya akan ada permainan harga dalam kalangan pembekal, mahu tidak mahu rakyat tetap kena beli ayam kerana raya hanya setahun sekali," katanya.

YPNM berpandangan, kerajaan terdesak melaksanakan keputusan tersebut tanpa berimbang kesannya dengan pihak-pihak berkepentingan.

85 anak penyu karah dilepas ke perairan Labuan

Labuan: Sebanyak 85 ekor anak penyu karah yang juga spesies terancam dilepaskan ke laut di sini, malam kelmarin.

Berlangsung di Pusat Konservasi Penyu Pulau Rusukan Besar, acara istimewa itu memvaksinasikan anak penyu berkenaan diiringi 80 sukarelawan terdiri daripada pelajar Sekolah Antarabangsa Labuan, Sekolah Menengah St Anthony dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Perumahan Bedaun.

Projek kerjasama antara Kelab Lions Mandarin Labuan, Jabatan Perikanan Labuan dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) itu adalah inisiatif pemuliharaan penyu karah di samping meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan memulihara alam sekitar.

Presiden Kelab Lions Man-

darin Labuan, Chia Sia Theng, berkata acara itu selari dengan kempen global sempena Hari Alam Sekitar Sedunia yang memberi tumpuan kepada memerangi pencemaran plastik dan pada masa sama memperjuangkan kejahiteraan hidupan laut.

"Pelepasan ini melambungkan realiti sedih mengenai daya tahan dan kelemahan populasi penyu karah," katanya.

85 spesies terancam

Acara itu juga katanya menekankan kepentingan aktiviti pembersihan pantai sebagai komponen pendidikan dan pembabitian dalam isu alam sekitar, bagi memastikan laut bebas daripada sampah atau bahan berbahaya.

Sia Theng berkata, pelepasan anak penyu karah itu adalah contoh potensi dapat dicapai menerusi tindakan bersama dalam men-



Sukarelawan terdiri daripada pelajar menyaksikan pelepasan anak penyu karah ke laut di Pusat Konservasi Penyu Pulau Rusukan Besar, Labuan, kelmarin.
(Foto BERNAMA)

jaga spesies terancam dan lautan. "La menggariskan tanggungjawab dikongsi bersama dalam memelihara kekayaan biodiversi-

ti ekosistem marin kita," katanya. Pelajar turut diberi taklimat mengenai usaha pemuliharaan penyu yang dijalankan di Pulau Rusukan Besar oleh Ketua Pemuliharaan Penyu dan Marin, Jabatan Perikanan Labuan, Ryanto Saifuddin. BERNAMA

Persatuan nelayan diseru tambah pendapatan

BUKIT GANTANG – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyeru agar seluruh persatuan nelayan di negara ini terlibat dengan perniagaan perikanan bagi menaikkan taraf ekonomi ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di tempat masing-masing.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, usaha untuk menggerakkan pengeluaran produk perikanan oleh persatuan nelayan itu amat penting kerana dengan cara tersebut, secara tidak langsung membantu menambah pendapatan nelayan.

“Terdapat 105 persatuan nelayan kebangsaan meliputi negeri dan kawasan, namun hanya 30 peratus yang terlibat dalam pengeluaran produk hiliran.

“Kita mahu semua persatuan nelayan ini aktif terlibat dalam industri perikanan atau mengeluarkan produk-produk berasaskan perikanan dan tidak hanya terikat dengan operasi harian,” katanya selepas merasmikan pembukaan semula Restoran Nelayan di Bangunan PNK Matang, di sini semalam.



MUHAMMAD FAIZ (tengah) melihat jualan harga jimat Madani bagi ikan di bangunan PNK Matang semalam. – WAT KAMAL ABAS

Menurutnya, kerajaan sentiasa komited dalam usaha untuk menaikkan taraf kehidupan nelayan di negara ini.

“Pelbagai rancangan dan usaha dilakukan bagi membantu nelayan di negara ini termasuk meneruskan bantuan elaun sara hidup nelayan sebanyak RM300 sebulan.

“Seramai 35,000 nelayan menjadi penerima kepada bantuan tersebut dan di samping itu juga, hasil keputusan pada mesyuarat lembaga pengarah telah memu-

mastikan bekalan ikan sentiasa mencukupi.

“Kami mempunyai simpanan ikan sebanyak 900 tan metrik, manakala rakan swasta juga turut menyimpan bekalan, menjadikan jumlah simpanan sejuk beku sebanyak 1,600 tan metrik,” katanya.

Ujarnya, tiada keperluan buat masa ini untuk membina kontena baharu di Kampung Acheh.

Bagaimanapun pihaknya akan meneliti dan membuat kajian terperinci sama ada perlu atau tidak pembinaan peti sejuk beku di kawasan berkenaan.

“Kita akan melihat jumlah pendaratan ikan di kawasan itu, sekiranya pendaratannya tinggi dan keperluannya mendesak, maka kita akan bincangkan pembinaan tersebut kerana saya tidak mahu adanya projek gajah putih,” katanya.

Muhammad Faiz berkata, permasalahan berkaitan kesukaran bagi mendapatkan lesen oleh pelapis keluarga nelayan turut diberi perhatian sewajarnya oleh pihak LKIM.

tuskan untuk memberi bantuan bakul makanan kepada nelayan yang terjejas akibat musim monsun,” katanya.

Tambahnya, orang ramai tidak perlu bimbang tentang bekalan ikan ketika musim monsun kerana LKIM telah membuat persediaan sepenuhnya dalam menghadapi musim tersebut.

“LKIM telah membuat perediaan awal dengan membeli sebanyak 200 tan metrik ikan yang didaratkan untuk disimpan di dalam peti sejuk beku bagi me-

Padi price hike boon for farmers

ALOR SETAR: The increase in the floor price of padi to RM1,300 per metric tonne announced in Budget 2024 has boost enthusiasm among farmers to increase production.

Alor Setar farmer Mohd Farid Ahmad, 35, said although the increase is not big, it helps to some extent to cover rising costs.

"It didn't go up very much, from RM1,200 per tonne set previously to RM1,300 per tonne, but at least there is an increase, which means there is a little more income.

"However, if it can be increased to RM1,500 per tonne, I think it would be much better and would provide more relief to farmers who have to face the increase in various operating costs," said Mohd Farid.

Another farmer Abu Bakar Kasim, 57, appealed to the government to conduct a census and review the increase in costs faced by farmers, in addition to introducing new initiatives to increase farmers' income.

"What the government has announced is very much appreciated, plus the increase in

the Padi Price Subsidy Scheme rate to RM500 per tonne (from RM350 per tonne previously) can also help ease operating costs and (fuel) our enthusiasm. However, if there is another initiative introduced by the government we will be very grateful," he said.

During the tabling of Budget 2024 in Dewan Rakyat on Oct 13, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced the floor price of padi will be increased from RM1,200 per tonne to RM1,300 per tonne to boost farmers' income. - Bernama

Ensuring reasonable chicken prices in Sabah

By **MUGUNTAN VANAR**
vmugu@thestar.com.my

KOTA KINABALU: The Rahmah sales programme in Sabah, Sarawak and Labuan will be stepped up by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry to ensure people get reasonable prices for chicken, says its acting minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said apart from increasing the Rahmah programmes, the ministry would also ensure the supply of chicken was increased with a discounted rate of between

10% and 30%.

"We are taking this approach as one of the intervention strategies to enable that the low- and middle-income groups have access to chicken supplies at reasonable prices," he told reporters after attending the Rahmah sales programme at Kampung Kebatu Kabidang in Beaufort, about 100km from here yesterday.

Armizan said such programmes would be focused in areas where they receive reports of the prices of chicken being substantially higher in the local market.

He said the measures were to deal with any possible price hikes of chicken after the government lifted the temporary price control from Nov 1.

He said the temporary price control was implemented in February 2022 due to the excessively high prices at that time and involved providing subsidies to poultry farmers.

The temporary control price of super chicken before Nov 1 for Sabah was RM12 per kg for the west coast and RM12.30 per kg for the east coast.

Armizan reiterated that his

ministry was already implementing a three-step approach to monitor chicken prices following the end to subsidies and price controls.

He said the first step involved the continuation of monitoring and enforcement through the Price Control and Anti-Profitteering Act of 2011, and if necessary, the Competition Act of 2010.

The second measure was to introduce targeted mitigation in specific areas facing higher prices by holding more Rahmah sales and Madani agro sales.

6/11/2023

BERITA
KOMENTAR

11

HARIAN

Gembleng idea perkasa sektor pertanian

Oleh Dr Daljit Singh Karam
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan,
Jabatan Pengurusan
Tanah, Fakulti
Pertanian, Universiti
Putra Malaysia

Belanjawan 2024 dibentangkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyaksikan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menerima peruntukan RM6.17 bilion untuk memperkasakan sektor pertanian serta mengukuhkan keterjaminan makanan negara.

Tumpuan Belanjawan MADANI ini kepada sektor pertanian memberi fokus kepada Penstrukturan Semula Ekonomi bagi Melonjak Pertumbuhan serta Peningkatan Darjat Hidup Rakyat.

Ia dapat dilihat menerusi Skim Subsidi Harga Padi yang dinaikkan daripada RM360 kepada RM500 satu tan. Sebanyak RM2.6 bilion dihasakan untuk pesawah dan nelayan, sekali gus membuktikan kesungguhan kerajaan untuk menangani isu kemiskinan tegar golongan terbabit.

Harga lantai belian padi juga dinaikkan kepada RM1,300 setiap tan berbanding RM1,200 demi membantu mengukuhkan pendapatan pesawah.

Selain itu, petani serta pesawah disediakan Tabung Bencana Pertanian membatik dana RM50 juta dan Skim Takaful Tanaman Padi (RM50 juta) sekiranya terjadi perkara luar jangka yang merencatkan sumber mata pencarian.

Nelayan juga bakal menikmati subsidi diesel (RM1.65 seliter), elauan sara hidup (RM300 sebulan) dan bantuan balik pulih rumah uzur (RM10 juta).

Peruntukan RM150 turut diberi untuk meningkatkan hasil tanaman dan ternakan melalui kerjasama setiap kerajaan negeri.

Namun, pemberian subsidi dan bantuan khas ini masih tidak cukup membantu mengukuhkan isu keterjaminan makanan, terutama memastikan bekalan padi mencukupi dalam negara.

Rakyat kini dibelunggu kenaikan harga beras import dan kekurangan bekalan beras tempatan. Ramai gagal melihat bagaimana pemberian bantuan ini dapat membantu meningkatkan pengeluaran padi negara. Justeru, kerajaan perlu mewujudkan mekanisme khas bagi meningkatkan hasil tanaman dan ternakan negara, sekali gus menjana pendapatan petani serta penternak dan mengukuhkan keterjaminan makanan negara.

Kerajaan juga menyediakan peruntukan RM50 juta melalui pembekalan baja bio dan organik untuk dimanfaatkan 50,000 pesawah bagi menggalak mereka menggunakan bahan mesra alam bagi meningkatkan kesuburan tanah serta hasil tanaman.

Namun, inisiatif ini memerlukan panduan jelas apakah jenis baja sesuai serta cara penggunaan

baja organik ini bagi membantu meningkatkan pengeluaran beras pesawah.

Kerajaan turut menyasarkan untuk mencapai Tahap Sara Diri (SSD) beras negara 80 peratus pada 2030. Sudah tentu ini memerlukan perancangan strategik yang betul.

Terdapat beberapa syor wajar dipertimbangkan bagi memastikan Belanjawan 2024 membantu mengukuhkan kelangsungan sektor pertanian khususnya beras serta keterjaminan makanan negara. Antaranya dengan memilih benih padi kalis ancaman haiwan dan cuaca, manakala baka haiwan ternakan pula adalah daripada jenis terbaik.

Dari segi aplikasi sains dan teknologi dalam pertanian, negara kita tidak jauh bezanya dengan negara lain, terutama negara jiran. Bagaimanapun, dari segi guna tanah untuk pertanian, mungkin kita tidak menggunakan kawasan tanah subur untuk melaksanakan pertanian secara optimum.

Pihak berkepentingan dalam industri pertanian dan ternakan perlu sedar pengurusan tanah secara lestari antara strategi meningkatkan hasil pertanian. Terdapat banyak kawasan penanaman padi negara yang menjadi sumber penghasilan beras dan perlu dilindungi untuk kelangsungan keterjaminan makanan.

Dari segi dagangan, beberapa isu utama dikenal pasti dalam tanaman padi seperti saingan harga di pasaran dunia. Selain itu, sektor perladangan lain seperti sawit turut menjadi saingan kepada industri padi.

Kesimpulannya, semua pihak terutama kerajaan, swasta, institusi penyelidikan dan penggiat pertanian serta ternakan perlu menggembleng idea dan kepakaran serta kreatif bagi mengukuhkan isu keterjaminan makanan negara.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2023	UTUSAN MALAYSIA	RINGGIT	28



SEMUA kambing yang dipelihara Ahmad Zaidi Abdul Basher sentiasa diberi makan dan vitamin mencukupi bagi mengelakkan serangan penyakit. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

KAMBING-KAMBING peliharaan Ahmad Zaidi Abdul Basher diberi makan mengikut waktu bagi memastikan sihat untuk dipasarkan kepada pelanggan.

DARI LIMA EKOR KAMBING, ZAIDI KINI PENTERNAK BERJAYA

Oleh ASYRAF MUHAMMAD
ekonomiutusan@mediamula.com.my

MINAT yang mendalam terhadap bidang penternakan dan perniagaan telah mendorong seorang anak muda dari Kampung Semadong di sini untuk membela kambing dan biri-biri secara lebih serius.

Menariknya, Ahmad Zaidi Abdul Basher, 30, juga telah membantu datuk dan ayahnya sejak kecil lagi bagi menjaga ternakan berkenaan sehinggalah kini dia sendiri mampu memiliki dua buah kandang seluas kira-kira 2,544 kaki persegi.

Ketika rakan seusianya masih sibuk dengan urusan persekolahan, Zaidi telah menceburi bidang penternakan sejak berumur 13 tahun lagi dan bermula dengan membeli lima ekor kambing sebagai permulaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Zaidi berkata, dia sebelum ini hanya membantu keluarganya memelihara ayam dan itik di sekitar kawasan rumah mereka bagi mencari sumber pendapatan tambahan ketika masih bersekolah.

"Sekitar tahun 2008, saya bermula dengan membeli lima ekor kambing hasil daripada wang simpanan ketika membantu keluarga menjaga itik dan ayam tersebut.

"Dan daripada situ saya ke-

mudiannya perlahan-lahan mengembangkan bidang penternakan ini sehinggalah mampu memiliki kandang kambing sendiri," katanya.

Menceritakan lebih lanjut, Zaidi berkata, selepas tamat persekolahan, dia telah bekerja di sebuah kafe secara separuh masa bagi menambah wang untuk mengembangkan penternakan kambingnya itu.

Anak sulung dari tiga beradik ini memaklumkan hasil simpanannya sewaktu bekerja sebelum ini telah digunakan bagi menambah ternakan kambing

"KETIKA RAKAN SEUSIANYA MASIH SIBUK DENGAN URUSAN PERSEKOLAHAN, ZAIDI TELAH MENCEBURI BIDANG PENTERNAK SEJAK BERUMUR 13 TAHUN."



AHMAD Zaidi Abdul Basher menternak kambing-kambing kacukan boer dan biri-biri Santa Ines di kandangnya di Kampung Semadong, Padang Besar, Perlis.

dan membesarkan kandangnya. "Sehingga kini, saya memiliki kandang yang mampu memuatkan lebih 250 ekor kambing kacukan boer dan biri-biri Santa Ines terletak bersebelahan kawasan rumah," katanya.

Dalam pada itu, Zaidi berkata, dia turut giat melakukan kacukan kambing sendiri bagi mendapatkan baka yang baik untuk dipasarkan kepada pelanggannya sekitar kawasan Utara Malaysia.

Katanya, jualan kambing yang diusahakannya itu juga adalah mengikut musim dan pihaknya akan mendapat permintaan tinggi khususnya sewaktu musim perayaan.

"Jika diikutkan, dalam masa setahun saya mampu memasarkan sekitar 200 ekor kambing dengan harga antara RM600 sehingga RM800 bergantung kepada saiz," katanya.

Selain itu, Zaidi berkata, antara cabaran besar yang dihadapinya dalam menguruskan ternakan kambing tersebut adalah bagi berdepan dengan serangan penyakit terhadap haiwan berkenaan.

Berikutan itu, dia berkata, pihaknya akan sentiasa memberikan rawatan dalam tempoh tiga bulan sekali bagi mengelakkan kambing-kambing berkenaan diserang penyakit.

"Antara rawatan yang diberikan kepada kambing-kambing

peliharaan saya ini adalah melabatkan suntikan vitamin dan nyah cacing," katanya.

Selain menjual hasil ternakan tersebut, Zaidi berkata, pihaknya juga turut menerima tempahan catering bagi menyediakan juadah berasaskan kambing daripada penduduk sekitar.

Ujarnya, ibunya, Azmira Mat Isa, 50, akan membantu menyediakan tempahan juadah itu bergantung kepada permintaan pelanggan mereka.

"Biasanya tempahan yang diterima adalah untuk kenduri dan ibu saya akan sediakan masakan yang diminta pelanggan seperti gulai kambing, kambing masak kurma, sup thai kambing, kambing golek dan pelbagai lagi," katanya.

Di samping itu, Zaidi berkata, pihaknya juga turut mendapat bimbingan daripada Jabatan Veteriner negeri yang sentiasa membantu dalam memberi panduan bagi menguruskan ternakan kambing itu.

Tambah Zaidi, pihaknya juga mempunyai perancangan bagi memperluaskan lagi ternakan itu dengan membeli lembu baka Charolais atau lembu sado selepas ini.

"Saya juga ada perancangan untuk membela lembu pendaging bagi memenuhi permintaan pelanggan kami," katanya.